



SIARAN MEDIA

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

YB MENTERI DALAM NEGERI SERTA PROGRAM KEJUT SAHUR RELA MADANI DI KAMPUNG KEMUNTING, KARANGAN, KEDAH

KULIM, 15 Mac 2025 - YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri telah menyertai Program Kejut Sahur RELA MADANI di Kampung Kemunting, Karangan, Kedah pada awal pagi tadi.

Pelaksanaan Program Kejut Sahur RELA MADANI bertujuan untuk menghidupkan suasana Ramadan 1446/2025 dan membantu masyarakat menunaikan ibadah puasa dengan lebih lancar.

Selain itu, program sebegini juga secara tidak langsung telah mewujudkan rasa selamat di kalangan komuniti dan memperkukuhkan semangat kejiranan.

Pada pagi ini, seramai 40 Pegawai dan Anggota RELA Daerah Kulim telah menyertai program Kejut Sahur RELA MADANI yang bermula seawal 3.00 pagi bertempat di Pejabat Penghulu Kampung Karangan, Kulim.

YB Menteri Dalam Negeri sempat menyantuni anggota RELA dan penduduk kampung di rumah penghulu kampung dengan menyediakan telur mata, yang sinonim dengan selera sewaktu bersahur sebelum memulakan Program Kejut Sahur MADANI RELA.

Kehadiran YB Menteri Dalam Negeri bersama dengan anggota RELA dan penduduk kampung ke beberapa buah rumah penduduk kampung Kamunting, Karangan, Kedah untuk bangun sahur juga telah memberikan kejutan kerana tidak menyangka beliau akan singgah dan turut menyampaikan sumbangan bakul makanan.

Turut serta semasa program ini, YBhg. KPjR Lokman Effendi Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA); Pengarah RELA Negeri Kedah, PPjKR Mohd Khairul bin Ahmad, pegawai dan anggota RELA serta penduduk kampung.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

Kementerian Dalam Negeri

Putrajaya